

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah rancangan untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kenderaan yang semakin meruncing tahun demi tahun di Wangsa Maju.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedia maklum terhadap masalah kekurangan Tempat Letak Kereta (TLK) di kawasan Wangsa Maju. Kebanyakan kawasan-kawasan yang mengalami kekurangan TLK ini adalah dari kawasan perumahan awam (PPR) yang telah lama dibina. Ketika itu keperluan TLK yang digunakan adalah pada kadar 1 petak TLK untuk 4 unit rumah. Manakala bagi unit-unit biasa kediaman bertingkat, keperluan TLK adalah berdasarkan kepada harga jualan dan tambahan 10% TLK bagi kegunaan pelawat.

Kini dalam memperuntukkan keperluan TLK, pihak DBKL telah menetapkan penyediaan 100% TLK bagi pembangunan kediaman berdasarkan jenis dan harga jualan kediaman seperti berikut:-

- 1) Kediaman perumahan awam atau kediaman mampu milik/Residensi Wilayah (harga jualan di bawah RM300,00) ,

## NO. SOALAN : 19

kadar keperluan TLK adalah 1 petak TLK/1 unit rumah +10 % pelawat;

- 2) Kediaman harga bebas yang dijual dengan harga melebihi RM300,000 hingga RM750,000 , keperluan TLK adalah 2 petak TLK/1 unit kediaman +10% pelawat;
- 3) Kediaman yang dijual melebihi RM750,000-RM 2 juta kadar keperluan TLK adalah 2.2 petak / unit rumah. +10% pelawat; dan
- 4) Kediaman yang dijual melebihi RM2 juta, keperluan TLK adalah 2.5 TLK bagi 1 unit + 10% pelawat.

Manakala keperluan TLK bagi pembangunan bukan kediaman pula adalah dikira berdasarkan kepada luas lantai mengikut jenis dan aktiviti pembangunan.

Bagi mengatasi masalah kekurangan TLK dan kesesakan lalulintas di DBKL umumnya, kini pihak DBKL telah mengambil langkah ke arah mengoptimumkan pengangkutan awam rel sebagai mod pengangkutan utama bagi penduduk warga kota.

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju Jua, penyediaan tempat letak kereta bertingkat di kawasan Perumahan Awam dan PPR telah dapat menyelesaikan sebahagian masalah kekurangan tempat letak kereta. Antara cadangan yang sedang diteliti adalah penyediaan tempat '*Park and Ride*' yang berhampiran dengan stesen-stesen rel seperti MRT dan LRT serta kawasan-kawasan berhampiran perumahan.

Sekian, terima kasih.